

Yang Berusaha Encik T. Narandran,
Yang Di-Pertua CEUPACS,

Anh-han! Majlis Kongres CEUPACS,

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,

Pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja,

DATO HUSSEIN ONN, SEMASA MERAS-

Para Peminat,

MIKAN KONVENSYEN KE - 15 KONGRES

Tuan-tuan dan Puan-puan Anah-an,

KESATUAN PEKERJA-PEKERJA DALAM

PERKHIDMATAN AWAM, DI DEWAN

PEKERJA KESATUAN SEKERJA PERKHIDMATAN AWAM,

TUANKU ABDUL RAHMAN, JALAN AMPANG,

Petang

KUALA LUMPUR PADA HARI ISNIN,
30HB. JUN, 1980, JAM 5.00 PETANG.

petang

Perjuangan perniagaan dan perbalahan yang wujud

sebagai organisasi pemimpin-pemimpin Kesatuan
Sekerja hendaklah diatasi dan

Yang Berusaha Encik T. Narendran,
Yang Di-Pertua CEUPACS,

Ahli-ahli Majlis Kongres CEUPACS,

Pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja,

Para Perwakilan,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Konvensyen Ke 15 Kongres Kesatuan

Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam pada

petang ini adalah penting. Lebih-lebih lagi

penting kerana ia diadakan pada masa perpaduan

kaum sekerja sedang menghadapi cabaran.

Perbezaan pendapat dan perbalahan yang wujud

sekarang dikalangan pemimpin-pemimpin Kesatuan
Sekerja, hendaklah diatasi dan

2.

diselesaikan, supaya pergerakan Buruh yang telah berjalan di-tanahair selama lebih dari suku abad, dapat terus berkembang. Saya harap pemimpin-pemimpin dan para perwakilan CEUPACS akan mengkaji perkara ini bagi memastikan masa depan yang lebih terjamin terhadap Pergerakan Buruh di-negara kita.

2. Sebagaimana yang telah selalu saya tegas dan jelaskan bahawa Kerajaan suka melihat Pergerakan Buruh hidup ^{subur} dan berkembang ~~subur~~ dengan sihat, teratur dan maju. Persefahaman yang erat dan kerjasama yang rapat di-kalangan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja boleh membawa

~~ini~~ faedah yang lebih berkesan kepada kaum sekerja. Bertindak secara melulu dan militant akan hanya merugikan, bukan sahaja kepada kaum sekerja sendiri bahkan kepada rakyat dan paduan di-kalangan kaum. Penduduk-penduduk negara. Kerajaan sentiasa menyokong kesatuan sekerja dalam perjuangan mereka yang adil dan menesabah demi kepentingan dan kebajikan kaum sekerja. Perhubungan dan persefahaman yang baik hendaklah sentiasa diwujudkan diantara majikan. Kerajaan, pada masa ini, sedang menyatukan Rancangan Malaysia Yang Ke-empat, dalam sektor swasta mahupun dalam perkhidmatan awam. Suasana dan iklim ini adalah penting diwujudkan dan ia merupakan sumbangan besar bagi menjayakan perlaksanaan pembangunan negara.

3. Sejak Merdeka, Kerajaan yang di-pilih oleh rakyat, telah melaksanakan berbagai usaha pembangunan bagi membawa kemakmuran dan keamanan kepada rakyat serta mewujudkan perpaduan di-kalangan kaum. Penduduk-penduduk yang miskin dan daif yang kebanyakannya tinggal di-kawasan-kawasan luar bandar serta golongan rakyat yang berpendapatan rendah sentiasa di-beri perhatian utama. Tiga Rancangan Pembangunan Lima Tahun telah di-jayakan. Kerajaan, pada masa ini, sedang menyiapkan Rancangan Malaysia Yang Ke-empat, yang akan di-laksanakan mulai tahun depan.

Malaysia akan menjadi lebih maju, dan kecekapan serta

4. Kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataalla kerana dengan taufik dan hidayahNYA, di-sertai pula dengan kegigihan semangat pemimpin-pemimpin negara yang telah lalu, rakyat jelata telah dapat menikmati hasil usaha pembangunan yang telah di-laksanakan selama ini, Kaum sekerja juga turut merasai nikmatnya. Bagi meneruskan usaha-usaha yang berfaedah ini, marilah kita bersama-sama menyumbangkan khidmat bakti kita dengan menunai dan melaksanakan segala tugas dan kewajipan kita dalam bidang dan lapangan yang di-pertanggung-jawabkan kepada kita. Dengan jalan ini, maka Malaysia akan ^{menjadi} lebih maju, dan kemakmoran serta

keamanan yang telah diperolehi itu dapat terus kekal dan di-nikmati oleh rakyat jelata.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

5. Kebanyakan ahli-ahli kesatuan sekerja, baik dari sektor swasta mahupun dalam perkhidmatan awam, menganggap bahawa tanggungjawab Kesatuan **S**ekerja hanya terbatas kepada usaha membaiki keadaan ahli-ahlinya sahaja, iaitu dari segi suasana tempat kerja serta dari segi mata pencarian dan pendapatan. Masalah kenaikan gaji sentiasa mendapat perhatian yang utama dalam perjuangan Kesatuan Sekerja. Saya mengakui bahawa mata pencarian adalah mustahak. Jesteru itu, Kerajaan telah-

7.

mengadakan jentera-jentera kajian gaji bagi menilai taraf pendapatan kaum pekerja dari masa kesemasa. Hasil daripada usaha ini telahpun dirasai oleh semua kakitangan perkhidmatan awam.

6. Walau bagaimanapun kenaikan gaji memang tidak boleh dipisahkan daripada tanggungjawab-tanggungjawab yang lain. Kesatuan Sekerja mempunyai tanggungjawab yang tidak kurang pentingnya dalam segi pembaikan mutu pekerjaan serta meningkatkan prestasi dan pengeluaran. Sepanjang ingatan saya

8.

perkara ini belum pernah lagi diberi perhatian yang saksama ~~oleh~~ ^{oleh} Kesatuan Sekerja.

Peranan ini amatlah penting dan tidak harus

dipandang ringan. Ia perlu diberi perhatian oleh

Kesatuan-kesatuan sekerja. Lebih-lebih ^{lagi} men-

7. Saya harap dengan pelaksanaan gaji baru
jelang pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-empat.

kepada pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam
Mengadakan ceramah-ceramah dan menjalankan

mulai bulan, depan, rakyat jelata dapat menerima
rancangan-rancangan latihan sendiri bagi

dan menikmati perkhidmatan yang lebih baik dari
meninggikan mutu perkhidmatan ahli-ahli oleh

pentadbiran Kerajaan. Rakyat Benteng mengharapkan
kesatuan-kesatuan sekerja boleh membawa hasil

perkhidmatan yang lebih baik, lebih cepat dan
yang berkesan kepada jentera pentadbiran dan

lebih berkesan daripada kakitangan perkhidmatan
pengurusan. Mutu Perkhidmatan bukan semata-

awan. Saya mengakui bahawa pada amnya

mata menjadi tanggung-jawab Imajikan. Saya menekankan sekali lagi bahawa mutu perkhidmatan tidak boleh dipisahkan dengan taraf pendapatan pekerja.

7. Saya harap dengan pelaksanaan gaji baru kepada pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam mulai bulan . depan, rakyat jelata dapat menerima dan menikmati perkhidmatan yang lebih baik dari pentadbiran Kerajaan. Rakyat Sentiasa mengharapkan perkhidmatan yang lebih baik, lebih cekap dan lebih berkesan daripada kakitangan perkhidmatan awam. Saya mengakui bahawa pada amnya

mutu perkhidmatan awam adalah baik bahkan dalam setengah-setengah bidang memang boleh dibanggakan. Sungguhpun begitu, dari segi menyampaikan perkhidmatan seharian kepada orang ramai, ada bidang-bidang yang perlu dibaiki lagi supaya rakyat dapat menikmati perkhidmatan yang lebih cekap dan cepat. Kekesanan Kerajaan adalah dinilai dari khidmat yang disampaikan oleh pegawai dan kakitangannya dalam bidang-bidang tertentu ini.

8. Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang supaya tidak menimbulkan rasa tidak puas hati mempunyai hubungan rapat dengan rakyat sentiasa terdedah kepada pandangan dan tegoran. Jabatan

11.

dan ajensi-ajensi yang mengendalikan urusan seharian untuk rakyat misalnya Pejabat-Pejabat Pos, Jabatan Pengangkutan Jalanraya, Pejabat Immigeresen, Jabatan Pendaftaran, dan tempat-tempat pembayaran cukai, sentiasa diberi perhatian. Rakyat mengharapkan mutu perkhidmatan yang cekap dan layanan yang memuaskan dari kakitangan perkhidmatan awam yang mengendalikan urusan-urusan ini. Inilah bidang dan lapangan yang perlu diberi keutamaan dan perkhidmatannya di perbaiki dari masa ke semasa supaya tidak membangkitkan rasa tidak puas hati kepada orang ramai.

...12/-

Perasaan tidak puas hati terhadap Jabatan-Jabatan yang mengendalikan urusan bidang-bidang ini akan memberi gambaran yang buruk terhadap perkhidmatan awam. Sesungguhnya, imej dan nama baik perkhidmatan awam bergantung kepada kecekapan, prestasi, tindakan dan maruah pegawai dan kakitangan nya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

10. Cabaran yang dihadapi oleh perkhidmatan awam sebelum merdeka dahulu adalah berbeza

daripada cabaran yang dihadapi oleh kita selepas kemerdekaan. Cabaran yang dihadapi oleh negara dalam tahun-tahun lima puluhan dan enam puluhan juga berbeza daripada cabaran yang mungkin dihadapinya dalam tahun-tahun lapan puluhan. Setengah-setengah cabaran adalah kompleks dan mungkin belum pernah lagi kita tempohi. Sebilangan daripadanya mungkin merupakan masalah-masalah yang berpanjangan daripada cabaran-cabaran yang lalu. Perkhidmatan awam hendaklah berani menghadapi masalah dan cabaran ini serta berani melakukan pembaharuan pembaharuan yang membina bagi mengatasi dan

menyelesaikannya. Pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam mestilah berupaya bertindak dan bergerak mengikut keadaan sekeliling serta sesuai dengan kemajuan dan perubahan zaman.

11. Saya harap Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam dapat membangkitkan kesedaran ini di kalangan ahli-ahlinya supaya mereka dapat memainkan dan menunaikan peranan yang lebih berkesan kearah meningkatkan lagi kemajuan sosio ekonomi negara. Kerajaan mempunyai tanggungjawab utama bagi membaiki keadaan hidup rakyat serta meningkatkan lagi taraf ekonomi mereka. Kesatuan **S**ekerja Perkhidmatan

Awam mestilah menunjukkan contoh tauladan yang baik dalam membantu kerajaan mencapai matalamat ini.

12. Saya sukalah mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan kerajaan kepada pemimpin dan ahli-ahli CEUPACS serta lain-lain kesatuan sekerja diatas sikap yang bertanggungjawab dan pendiriannya yang tegas, mereka menentang keputusan sebilangan pemimpin MTUC hendak mengambil tindakan yang terburu-buru dan keterlaluan dalam usaha MTUC membantah dan menghalang pindaan kepada Undang-undang Kesatuan Sekerja.

16.

Sikap dan pendirian yang terpuji ini telah membawa kesan yang baik.

13. Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Majlis Kongres CEUPACS kerana sudi menjemput saya ke Majlis ini dan seterusnya memberi penghormatan kepada saya merasmikan Konvensyen ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

14. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya mengisytiharkan Konvensyen Ke 15 Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam pada petang ini, dibuka dengan resminya. Terima kasih.



No Siri	492
No Penerimaan	105/81